

03/10/1998

Ilmu tanpa moral tidak berguna: PM

ALOR STAR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, ilmu pengetahuan yang tinggi tidak akan menjamin kemajuan negara, sekiranya masyarakat memiliki nilai moral yang rendah.

Malah, kata Perdana Menteri, masyarakat akan musnah jika menerapkan nilai-nilai tidak bermoral ketika mengejar kemajuan.

"Walaupun masyarakat berpengetahuan tinggi, tetapi kalau moralnya tidak tinggi, maka rosaklah masyarakat itu," katanya pada majlis Anugerah Iskandar dan perasmian makmal komputer Kolej Sultan Abdul Hamid di sini yang juga sekolah lamanya.

Sambil memberi contoh masyarakat Barat yang beranggapan mereka boleh membuat apa saja tanpa batasan kononnya kerana mementingkan kebebasan, Dr Mahathir berkata:

"Kita tidak akan dapat mengejar (kemajuan) mereka, jika kita berbuat demikian."

Sehubungan itu, beliau mengingatkan rakyat, terutama pelajar, mengenai kepentingan moral bagi memastikan ilmu pengetahuan yang dimiliki tidak disalahgunakan.

Dr Mahathir berkata, komputer misalnya boleh menjadi seperti sebuah perpustakaan bagi mempertingkatkan pengetahuan, tetapi teknologi itu juga boleh disalah guna, termasuk menyebarkan khabar angin.

"Komputer kini amat penting dan seperti sebuah perpustakaan untuk meningkatkan pengetahuan. Tetapi perlu diingat setiap sesuatu boleh digunakan untuk yang baik dan tidak baik.

"Justeru, kita perlu moral yang tinggi atau kita akan musnah walaupun ada ilmu," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, rakyat perlu menolak amalan negara Barat yang menuntut kebebasan tanpa sekatan dan had, termasuk untuk berbogel kerana mereka memiliki tahap moral yang rendah.

Menurutnya, jika rakyat menerap budaya seperti itu, mereka akan musnah dan negara tidak akan mencapai kemajuan.

Mengenai tindakan Barat menjatuhkan ekonomi dan nilai mata wang, Dr Mahathir berkata, beliau tetap yakin Malaysia boleh menjadi negara maju menjelang tahun 2020.

Katanya, ia boleh dilakukan dengan usaha gigih, menguasai ilmu serta mengadakan penyelidikan bagi mencipta pelbagai barangan seperti yang dilakukan negara Barat.

Dr Mahathir meminta rakyat memupuk sikap keyakinan diri dan berusaha lebih tekun serta membentuk budaya dan peribadi baru dengan menghapuskan sikap rendah diri yang pernah diterapkan penjajah.

Menurut Dr Mahathir, pada zaman persekolahannya di KSAH, penjajah British membina semangat merendah diri di kalangan masyarakat dan memupuk perasaan sebagai golongan yang lemah dan tidak mampu melakukan apa yang pihak British boleh lakukan.

"Dahulu, orang putih berjalan menghentak kaki, manakala kita menundukkan kepala dan memberi laluan pada orang lain. Dahulu kita rasa tak boleh buat dan tak cuba, tetapi zaman ini kita ada peluang kuasai ilmu dan perlu menggunakannya untuk kebaikan bangsa negara dan agama.

"Kita boleh buat. Melayu, Iban dan Kadazan boleh buat kerana kita ada kebolehan. Yang perlu, kita usaha kuasai sesuatu yang mungkin ambil masa pendek atau panjang.

"Kita yakin usaha itu akan dicapai tetapi ia tidak akan datang melayang

atau datang menggolek, sebaliknya perlu usaha daripada kita," katanya.  
(END)